

04/11/2002

JPN diminta bantu SPR siasat 2.8 juta pengundi

KLANG, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) membantu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengenal pasti 2.8 juta pengundi yang ditukarkan ke kawasan yang mereka tiada kena mengena.

Timbalan Perdana Menteri berkata, JPN yang dilengkapi dengan kemudahan sistem berkomputer dapat membantu SPR kerana jabatan itu boleh mengenal pasti setiap rakyat yang lahir di negara ini dan mengesan status serta tempat terakhir mereka mengundi.

Beliau berkata, Barisan Nasional (BN) mahu pilihan raya dijalankan dengan sihat tanpa rasa curiga mengenai kewujudan pengundi hantu dari luar yang tidak ada kena mengena dengan kawasan pilihan raya itu.

"Kita mahu supaya pengundi datang adalah dari tempat itu sendiri sama ada dia lahir atau bekerja di situ bukan dari kawasan yang tidak kena mengena.

"Jika sampai 20 hingga 30 orang guna satu alamat maka ini sudah ada satu rancangan lain dan kehadiran pengundi hantu ini hanya akan menimbulkan kecurigaan mengenai identiti mereka," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan kereta jenama Skoda di Bilik Pameran AutoPraha di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, yang dilaporkan berkata terdapat kira-kira 2.8 juta pengundi di didaftarkan di luar kawasan mereka menginap.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, kebanyakan mereka tidak mempunyai alamat di tempat mereka berdaftar dan tidak ada kaitan sama sekali dengan kawasan berkenaan.

Abdullah berkata, pengundi sepatutnya mengundi di kawasan yang masing-masing biasa tinggal sama ada di kampung halaman tempat mereka dilahirkan dan ibu bapa mereka masih menetap di situ atau di tempat mereka bekerja.

"Kalau orang kampung sendiri yang hendak pilih wakil rakyat tentulah dia ada alamat di kampung itu. Tindakan membawa masuk pengundi adalah satu amalan yang tidak patut digalakkan. Mengundilah di kawasan masing-masing," katanya.

Beliau berkata, Umno akan mengumpul semua data mengenai perkara itu untuk diserahkan kepada SPR bagi tindakan lanjut.

Diminta mengulas mengenai pelawaan Perdana Menteri semua parti politik pembangkang untuk menyertai BN bagi sama-sama membangunkan negara selain bersatu menghadapi musuh luar, Abdullah berkata, ia satu cadangan yang baik untuk meluaskan lagi muafakat antara parti politik di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, terpulang kepada parti pembangkang sama ada mahu menerima atau menolak jemputan itu.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Razak, berkata Umno tidak akan masuk campur dalam siasatan SPR dan JPN kerana tidak mahu kedua-dua badan itu mengikut telunjuk mana-mana parti politik.

"Yang penting adalah prinsip dan amalan demokrasi yang tulen," katanya.

Beliau berkata, jika seseorang pengundi itu mengundi di tempat lain tanpa mengikut alamat kad pengenalan, mereka perlu memenuhi empat kriteria.

"Jika dia (pengundi) memenuhi empat kriteria (iaitu), dia lahir atau mempunyai keluarga atau bekerja atau memiliki harta di situ...dia tidak diklasifikasikan sebagai pengundi hantu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan di Taman Wetlands di Kuala Lumpur, hari ini.

